

- ii. Mengelakkan luka pada tanaman semasa pengendalian pokok atau luka disebabkan serangan perosak lain.

C) Kaedah Pemusnahan

Membakar semua batang dan pelepah kelapa selepas pokok ditebang (Perlu mendapat kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar).

D) Secara kimia

- i. Bagi pokok yang masih kecil, letakkan 3 - 4 butiran carbofuran pada lubang di pucuk pokok untuk membunuh perosak ini.
- ii. Bagi pokok rendah, pucuk pokok disemur dengan racun serangga cypermethrin.
- iii. Pokok kelapa yang tinggi – Suntikan batang dengan racun kimia monocrotophos atau methamidophos – dijalankan semasa keadaan cuaca kering dan pokok yang sihat
- iv. *Soil-drenching* di sekeliling pangkal pokok dengan racun imidacloprid atau dinotefuran

E) Kaedah Kuarantin

- i. Pastikan bahan tanaman iaitu pokok dan anak pokok mesti melalui prosedur kuarantin sebelum dibawa masuk ke dalam negara.
- ii. Pastikan bahawa tanaman diperolehi daripada kawasan yang bebas serangan

Kaedah Penggunaan Perangkap Feromon Kumbang Merah Palma

- i. Feromon Kumbang Merah Palma (RPW). Setiap 1 hektar kawasan dipasang dengan 1 perangkap feromon.
- ii. Menggantung feromon di penutup perangkap baldi.



- iii. Perangkap baldi perlu dimasukkan umpan makanan seperti tebu, nenas, umbut kelapa atau keratan bahagian kelapa yang lembut dan sedikit air. Masukkan ¼ sudu serbuk *detergent* dimasukkan ke dalam perangkap bertujuan untuk mematikan kumbang.
- iv. Pasangkan perangkap baldi dipangkal pokok dan diikat (pilih lokasi yang redup dan tidak panas).

Untuk maklumat lanjut, Sila hubungi :



Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Jabatan Pertanian, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur

No.Tel: 03- 2030 1400 No.Faks: 03-2691 3530

Laman Web : www.doa.gov.my

Atau hubungi:

Jabatan Pertanian Negeri
yang berhampiran anda.




PENGENALAN

Kumbang Merah Palma (*Rhynchophorus ferrugineus*) atau lebih dikenali sebagai Red Palm Weevil (RPW) adalah sejenis perosak tanaman yang serius dan berbahaya. Ia tergolong dalam order Coleoptera dan family Curculionidae. Kini, ia didapati menyerang tanaman kelapa dan berpotensi merebak serta boleh mengancam tanaman sawit negara. Ia penting kerana industri sawit menyumbang RM60 billion/ tahun kepada ekonomi negara. Perosak ini juga dijumpai pada tanaman salak, sagu, kurma dan pokok-pokok hiasan jenis palma yang merupakan perumah kepada perosak ini.

KEROSAKAN

Kumbang Merah Palma membiak di dalam pokok seperti di pelepah, batang dan pucuk. Kumbang betina akan bertelur pada umbut pokok, pangkal pelepah atau pada luka-luka yang terdapat pada pokok. Ia boleh menghasilkan lebih kurang 250 telur pada satu-satu masa. Larva yang menetas akan mengorek ke dalam batang sambil memakan tisu pokok. Lama-kelamaan pokok akan mati. Serangan akan cepat merebak ke pokok-pokok lain yang berdekatan dalam keadaan populasi perosak yang tinggi.



- Telur** : Bersaiz 2.6 mm x 1.1 mm, berwarna kuning terang
- Larva** : Bersaiz 50mm x 20 mm, berwarna putih ke kuning, kemudian tukar kepada perang kekuningan
- Kokun Pupa** : Bersaiz 80mm x 35 mm
- Pupa** : Bersaiz 35mm x 15 mm, berwarna putih ke kuning, kemudian tukar kepada perang.
- Dewasa** : Bersaiz 35 mm x 12 mm, biasanya berwarna perang kemerahan dan mempunyai muncung yang jelas. Bahagian toraks (kepala) dewasa mempunyai bintik atau jalur.

TANDA-TANDA SERANGAN



Serangan awal pada pucuk



Kelihatan lubang dan pengeluaran cecair berbau masam yang berwarna kuning ke coklat serta tisu-tisu yang telah dimakan dibuang sekitar lubang.



Pucuk pokok layu, menjadi kuning, kering dan mati.



Pelepah turut patah dan kelihatan tergantung di pokok.

KAEDAH KAWALAN

Pengawalan RPW hendaklah menggunakan pendekatan secara Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) yang mesra alam.

Komponen penting adalah :

A) Secara mekanikal

Penggunaan perangkap feromon

B) Secara Kultura

- Pembersihan kawasan, buang tempat pembiakan kumbang tanduk (kawalan bersama)